

09/08/1999

Bebaskan projek rakyat daripada birokrasi

KERENAH birokrasi adalah antara isu bidang pentadbiran dan pengurusan yang paling banyak dibincangkan oleh pelbagai pihak sama ada dalam kerajaan atau swasta. Melihat kepada wujudnya pelbagai masalah yang terus dihadapi di pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan sebagainya, ia jelas menunjukkan isu itu masih belum mampu ditangani dengan berkesan. Masalah ini berpunca daripada beberapa masalah apa yang dipanggil amalan birokrasi. Dalam bahasa mudah, birokrasi dalam konteks ini boleh dianggap sebagai keputusan yang terpaksa dibuat mengikut pelbagai peringkat hingga menimbulkan kelewatan. Bagi sesuatu projek pembangunan umpamanya, daripada mula projek itu dipersetujui hinggalah ia disiapkan, mungkin memerlukan berpuluh-puluh keputusan yang dibuat oleh pelbagai peringkat. Jika setiap satu peringkat memerlukan masa yang terlalu panjang untuk membuat keputusan, sudah tentulah sesuatu projek itu mengalami masalah kerenah birokrasi. Ada kalanya, proses membuat keputusan lebih panjang daripada kerja menyiapkan projek. Adakalanya pula, keputusan untuk mengetahui sama ada sesuatu projek perumahan boleh diduduki atau sebaliknya, memerlukan masa yang lebih panjang daripada tempoh kerja projek disiapkan.

Adakah kerenah birokrasi berpunca daripada kelewatan pembuat dasar, masalah peruntukan kewangan atau kecerewetan di peringkat pentadbiran dan pelaksanaan? Di peringkat pembuat dasar, begitu banyak projek diluluskan dan dimaklumkan kepada umum. Apabila keputusan dibuat, biasanya peruntukan sudah disediakan. Dalam konteks membuat keputusan dan peruntukan kewangan, sukar untuk mencari wujudnya kelemahan birokrasi kerana ia diputuskan di peringkat tertinggi. Sebaik saja diluluskan sama ada oleh Kabinet, kementerian, pejabat kerajaan negeri, agensi kerajaan dan sebagainya, ia sudah menjadi sebahagian daripada perancangan kerajaan. Sama ada ia dapat digerakkan dengan secepat mungkin atau sebaliknya, bergantung kepada pihak yang ditugaskan untuk melaksanakan projek berkenaan.

Kerenah birokrasi biasanya difokuskan di peringkat pentadbiran dan pelaksanaan. Kelemahan awal yang dikesan bermula sebaik saja keputusan dibuat oleh pembuat dasar. Biasanya, keputusan pembuat dasar ini perlu diterjemah oleh pegawai di sesuatu kementerian terbabit untuk dijadikan kertas cadangan dan disalurkan kepada agensi tertentu untuk kajian perlu, pembentangan projek, panggilan tender dan sebagainya.

Jika ia mengambil tempoh yang terlalu panjang, ia akan menyebabkan berlaku kerja tertunda, yang mana ketika kertas cadangan itu belum pun sampai ke agensi sepatutnya, pelbagai projek baru sudah pun diluluskan oleh pembuat dasar. Ini akan menambah beban kerja pegawai terbabit yang terpaksa juga meneliti projek baru yang diluluskan. Sebaik dilulus dan tender dikeluarkan, kerja mungkin tidak dapat dilaksanakan lagi kerana dalam proses itu pelbagai kajian lain juga terpaksa dijalankan. Kerenah lain juga wujud ketika proses pelaksanaan, umpamanya, waktu menunggu kelulusan tapak, kajian alam sekitar dan sebagainya. Inilah yang menyebabkan kelulusan sesuatu projek pembangunan sering terlewat.

Dalam mesyuarat mingguan Kabinet Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan semua agensi kerajaan mengurangkan kerenah birokrasi dalam usaha mempercepatkan kelulusan permohonan sesuatu projek pembangunan. Arahan itu penting bagi memastikan projek pembangunan, termasuk projek perumahan dapat dilaksanakan segera untuk memenuhi keperluan rakyat.

Dalam menangani masalah ini, semua pihak sewajarnya memberi tindak balas

proaktif. Sebarang projek yang membabitkan kepentingan rakyat seharusnya bebas daripada sebarang kerenah birokrasi. Ini kerana kerajaan sering dipersalahkan apabila berlaku sebarang kelewatan, hakikatnya kelewatan itu berpunca daripada agensi pelaksanaan disebabkan sistem pentadbiran yang tidak kemaskini. Walaupun sudah ada arahan tertentu, umpamanya, sijil menduduki (CF) perlu dikeluarkan dalam tempoh dua minggu, tetapi secara praktikalnya, ia gagal dilakukan dengan berkesan.

Sepatutnya, bagi mereka yang gagal mengemukakan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan, denda berat perlulah dikenakan. Bagi agensi yang mengeluarkan CF pula, pengeluaran sijil melebihi tempoh dua minggu, tanpa alasan yang munasabah, juga hendaklah dikenakan denda. Nampaknya, sebarang alasan lisan atau bertulisan, tidak membuahkan hasil tanpa hukuman yang sepatutnya dikenakan.

(END)